

27 NOV 2002

Gerakan-Adun/I

MCA DIDESAK BERTINDAK TERHADAP ADUN YANG BERKECUALI

KUALA LUMPUR, 27 Nov (Bernama) -- Pucuk pimpinan MCA harus berani dalam mendisiplinkan anggota-anggota partinya di sebalik memaksa Barisan Nasional (BN) mengambil tindakan disiplin terhadap anggota parti itu.

Dalam menyatakan demikian hari ini, Pengerusi Pemuda Gerakan Mah Siew Kong berkata kepimpinan BN tidak mempunyai pilihan selain daripada mengambil tindakan serius terhadap kedua-dua anggota Dewan Undangan Negeri dari MCA -- Lim Boo Chang dan Tan Cheng Liang -- yang mengecualikan diri daripada mengundi dalam satu usul yang dikemukakan oleh pembangkang di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang minggu lepas.

"Apa gunanya untuk berada dalam BN jika mereka tidak boleh ikut peraturan? Dan jika mereka dibiarkan begitu sahaja, tidakkah yang lain juga berpendapat mereka juga boleh berbuat apa yang mereka mahu?" kata beliau dalam satu kenyataan hari ini.

Mah berkata, kedua-dua orang itu perlu didisiplinkan kerana jika tidak mereka akan menjadi contoh tidak baik dan akan menggalakkan ketidaksetiaan pada parti.

Mengulas mengenai hak itu semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kedua-dua anggota dewan itu telah melakukan kesalahan serius dan boleh diambil tindakan disiplin.

Usul yang dibentangkan oleh DAP itu ialah untuk menunda pembinaan Jalan Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR) bernilai RM1.02 bilion.

Sementara itu pengerusi Wanita Gerakan Datuk Rhina Bhar berkata Tan dan Lim yang kini dalam penggal kedua sebagai anggota dewan sepatutnya lebih mengetahui semangat BN dan kod tatalaku di Dewan Undangan Negeri.

"Isu utama di sini ialah disiplin dan bukan isu PORR ataupun pandangan dan prinsip setiap anggota dewan itu," katanya.

Sementara itu, Naib Presiden Gerakan Senator Datuk Dr S. Vijayaratnam berkata adalah menjadi tanggungjawab anggota Dewan Undangan Negeri dari BN untuk menolak usul pembangkang yang bertentangan dengan dasar kerajaan negeri.

-- BERNAMA

MAM AZZ PR